

MRT Corp. utama keselamatan, keselesaan

KUALA LUMPUR 8 Okt. - Semua aspek keselamatan mengikut standard yang tinggi dan keselesaan pengguna jalan raya tetap menjadi keutamaan pemaju projek MRT bagi jajaran Sungai Buloh-Kajang berbanding mengejar tempoh siap pembinaan yang membabitkan 31 tapak pembinaan.

Ini termasuklah penyelenggaraan jalan raya utama berhampiran tapak projek yang dilakukan sendiri oleh syarikat kontraktor MRT untuk keselesaan pengguna jalan raya apabila sering berlaku kerosakan jalan akibat kerja-kerja pembinaan.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.), Amir Mahmood Razak berkata, sebagaimana di tapak projek Stesen MRT Maluri yang merupakan stesen terakhir bawah tanah, pihak kontraktor telah membina jalan raya yang menggunakan pelantar konkrit (*concrete decking* atau *metro decking*) yang merupakan teknologi terbaru dari Taiwan bagi menggantikan jalan tar sepanjang 300 meter di kawasan itu.

La sebuah sistem pembuatan jalan yang boleh dialihkan bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan stesen dilakukan di bawah jalan tersebut ketika trafik menggunakan jalan di atasnya.

“Tidak ada lagi jalan yang rosak berlubang-lubang di samping kita tingkatkan keselesaan bagi pejalan kaki dengan membina lorong pejalan kaki berbumbung terutamanya dari Stesen LRT Maluri,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas membawa wakil media melawat sekitar tapak projek Stesen MRT Maluri di Jalan Pudu Ulu di sini, hari ini.

Dalam sesi lawatan itu, pihak media dibawa untuk melihat sendiri perkembangan projek stesen tersebut yang sedang berjalan lancar.

Stesen itu, yang melibatkan 200 pegawai dan pekerja pembinaan, merupakan stesen MRT bawah tanah terakhir dan berada 9.5 kilometer dari Stesen MRT Semantan. Secara keseluruhan projek MRT turut melibatkan pembinaan sebanyak sepuluh buah stesen bawah tanah.

Amir Mahmood bagaimanapun tidak menafikan kesesakan jalan raya yang teruk tetap berlaku berhampiran tapak projek pembinaan Stesen MRT Maluri walaupun pelbagai usaha telah dilakukan bagi mengatasinya termasuk tidak melibatkan sebarang penutupan jalan.

“Lazimnya (kesesakan) hanya berlaku pada waktu puncak sahaja namun kesesakan turut berpunca akibat

tiga pemaju termasuk MRT sedang membangun dan memajukan tiga projek secara serentak di sekitar Stesen MRT tersebut,” katanya.

Dua projek lain ialah Projek Sambungan Lebuhraya Sungai Besi (Besraya) dan pembinaan Projek Bersambung Kondominium dan Pusat Komersial Sunway Velocity, katanya.

Sehubungan itu Amir Mahmood meminta pengguna jalan raya terutama pemandu kenderaan supaya sentiasa berhati-hati setiap kali menghampiri kawasan tapak projek MRT bagi meng-

elakkan daripada sebarang kesulitan terutama kepada pengguna lain.

Dalam pada itu beliau memberitahu bahawa projek MRT secara keseluruhannya kini telah 26 peratus siap manakala pembinaan stesen ba-

wah tanah telah 35 peratus siap, yang turut melibatkan penggalian terowong sepanjang 700 meter di Stesen MRT Cochrane dan 650 meter di Stesen MRT Semantan.

“Pada amnya semua projek bagi pembinaan jajaran dan stesen MRT berjalan dengan lancar sehingga melibatkan kerja-kerja dilakukan pada waktu malam bagi memastikan pada 2017 projek ini siap sepenuhnya,” katanya.



KERJA-KERJA pembinaan *concrete decking* di atas tapak Stesen MRT Maluri di Jalan Pudu Ulu, Kuala Lumpur yang terletak di bawah tanah sedang giat dijalankan. - UTUSAN/AZLIZA HAILANI